

28 FEBRUARI 2018

Lima lelaki termasuk tiga warga India dituduh edar syabu 68kg

Lima lelaki termasuk tiga warga India dituduh edar syabu 68kg

REMBAU - Lima lelaki termasuk tiga warga India berdepan hukuman gantung sampai mati apabila didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan mengedar dadah jenis syabu seberat 68.24 kilogram (kg), dua minggu lalu.

Tertuduh, Azizul Shabari, 32; V. Gunasegar, 29; Shajahan Yoosaf Kunju, 31; Noushadkutty Sulaiman, 40, dan Nahas Aboobaker, 41, menganggu faham selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Majistret Tan Chai Wei.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada kesemua tertuduh.

Berdasarkan pertuduhan, mereka didakwa melakukan kesalahan tersebut di sebuah ladang ternakan di Jalan Piliin Kampung Kundur Tengah, Pendakwa Raya, K.S. Rinisha Priyya manakala kesemua tertuduh diwakili peguam bela, Shah Rizal Abdul Manan.

Mahkamah tidak memberikan jaminan dan 28 Mac ditetapkan bagi sebutan kes.

Kesemua tertuduh dihantar Penjara Sungai Udang Melaka.

Kosmo! pada 20 Februari lalu melaporkan polis membong-

kar makmal memproses dadah disyaki syabu di Rembau dan menahan 16 orang serta merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM4.3 juta dalam dua operasi berasingan di Negeri Sembilan dan Selangor pada 13 dan 14 Februari lepas.

Dalam serbuan itu, polis menahan lima lelaki selain merampas pelbagai jenis alatan dan bahan kimia untuk memproses dadah.

mandatori.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman mati mandatori.